



**YANG di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V menyampaikan watakah pelantikan kepada Syed Md. Hasrin Tengku Hussin sebagai Duta Besar Malaysia ke Emiriah Arab Bersatu pada istiadat Bakal Ketua Perwakilan Malaysia Ke Luar Negara di Istana Negara, semalam. - BERNAMA**

## 10 ketua perwakilan Malaysia terima watakah

**KUALA LUMPUR 21 Feb.** - Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V menyampaikan watakah pelantikan kepada 10 ketua perwakilan Malaysia yang baharu, termasuk Syed Md. Hasrin Tengku Hussin @ Syed Hussin yang ditugaskan ke Emiriah Arab Bersatu (UAE), di Istana Negara di sini.

Selain Syed Md Hasrin, turut menerima watakah pelantikan ialah Zainal Abidin Bakar (Sepanyol), Datuk Rustam Yahaya (Iran), Cheong Loon Lai (Hungary), Datuk Hidayat Abdul Hamid (India) dan Anizan @ Siti Hajjar Adnin (Ireland).

Empat lagi ialah Mohd. Aini Atan (Laos), Syed Mohamad Bakri Syed Abdul Rahman (Kazakhstan), Datuk Mohd. Khalid Abbasi Abdul Razak (Argentina) dan Agus Salim Yusof (Bahrain).

Timbalan Menteri Luar, Datuk Seri Reezal Merican Naina Meri-

can turut hadir pada majlis itu.

Sebelum dilantik sebagai Duta Besar Malaysia yang baharu ke UAE, Syed. Md Hasrin merupakan Setiausaha Bahagian Asia Tenggara sejak 2014, dan pernah memegang pelbagai jawatan di Jakarta, Dubai dan New York.

Bakal Duta Besar Malaysia ke Sepanyol, Zainal Abidin ialah Setiausaha Bahagian Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Bahagian Kerjasama Serantau sejak 2013.

Bekas Duta Besar ke Republik Czech itu juga pernah memegang pelbagai jawatan di Brussels, Hanoi dan Tokyo.

Rustam pula ialah Setiausaha Bahagian Amerikas sejak 2016, sebelum dilantik sebagai Duta Besar Malaysia ke Iran. Bekas Duta Besar ke Oman itu pernah berkhidmat di London, Yangon dan Kuwait. - BERNAMA



Turut menerima watakah pelantikan ialah Zainal Abidin Bakar (Sepanyol), Datuk Rustam Yahaya (Iran), Cheong Loon Lai (Hungary), Datuk Hidayat Abdul Hamid (India) dan Anizan @ Siti Hajjar Adnin (Ireland)."